

Panduan tingkatkan Wi-Fi

Saya ada menggunakan teknologi akses Internet menggunakan teknologi Wi-Fi di rumah. Minta diberikan panduan untuk tingkatkan keupayaan akses menggunakan teknologi Wi-Fi ini.

Swing, Perlis.

Terima kasih. Pada hari ini, kebanyakan capaian internet di rumah menggunakan teknologi Wi-Fi kerana ia bersifat mudah, fleksibel dan praktikal dalam perkongsian satu akses kepada akaun internet. Namun begitu, penggunaan yang betul dan terbaik berupaya meningkatkan kecekapan teknologi Wi-Fi ini.

Seterusnya dibincangkan beberapa perkara yang boleh dilihat untuk meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi Wi-Fi dalam mencapai internet di rumah.

Penggunaan teknologi tanpa wayar atau Wi-Fi yang terkini.

Diskusi
ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Terdapat beberapa model teknologi dalam rangkaian Wi-Fi seperti A, B, G, N dan lain-lain. Teknologi Wi-Fi berjenis A, B dan G adalah teknologi lama yang perlahan. Jadi, sekurang-kurangnya menggunakan teknologi Wi-Fi berjenis N.

Pastikan peralatan router diletakan di tempat yang terbaik dan terbuka untuk dicapai secara cekap oleh komputer-komputer lain dalam persekitaran rangkaian Wi-Fi. Pastikan tiada apa-apa halangan mengatasi Router tersebut seperti dinding dan sebagainya.

Penggunaan saluran tanpa wayar yang sebetulnya. Sekiranya, ada jiran yang menggunakan teknologi Wi-Fi, router yang digunakannya boleh mengganggu router. Seterusnya, ia boleh menyebabkan isyarat rangkaian dalam persekitaran menjadi lemah yang menyebabkan capaiannya juga akan lemah.

Jadi, cari saluran yang sewajarnya untuk capaian rangkaian Wi-Fi di rumah agar tidak sama dengan saluran rangkaian Wi-Fi yang digunakan oleh jiran. Ini boleh dibuat semakan dan ditentukan salurannya menggunakan perisian seperti *Wi-Fi Stumbler*, *Wi-Fi Analyzer* dan lain-lain.

Cuba elakkan gangguan isyarat daripada peralatan-peralatan lain seperti telefon tanpa kod, peralatan yang menggunakan gelombang mikro dan lain-lain.

Tingkatkan konfigurasi keselamatan sistem rangkaian

Wi-Fi yang digunakan untuk elak daripada digunakan secara tidak sah oleh pihak lain.

Pengawalan penggunaan jalur lebar oleh aplikasi tertentu seperti pengurusan fail *Torrent*, permainan dalam talian, penstriman video dan lain-lain dengan fungsi QoS (*Quality of Service*) pada router.

Tingkatkan julat capaian teknologi Wi-Fi dengan peralatan tertentu seperti penggunaan antena, piring penerimaan dan sebagainya. Kadang kala peralatan-peralatan ini boleh dibina sendiri menggunakan barang-barang terbuang.

Pemasangan *firmware DD-WRT* pada Router untuk tingkatkan isyarat *Wi-Fi*.

Penggunaan alat *Wi-Fi Repeater* untuk tingkatkan isyarat *Wi-Fi*. Router yang lama dan tidak digunakan boleh dinaik taraf menjadi *Wi-Fi Repeater*.

Penjadualan yang terancang dan berkala untuk but semula router yang digunakan.

Selamat mencuba.